

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 OKTOBER 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

## Kementerian Ekonomi terima 128,124 permohonan

### INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT

## Kementerian Ekonomi terima 128,124 permohonan

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 128,124 permohonan di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) diterima Kementerian Ekonomi setakat 5 Oktober 2023 dan daripada jumlah itu, 47,909 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga inisiatif rintis IPR.

Menurut kementerian, tiga inisiatif rintis iaitu Inisiatif Usahawan Tani (Intan), Inisiatif Usahawan Makanan (Insan) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan) dikenal pasti dapat membantu

mengatasi isu utama seperti keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.

"Pelaksanaan IPR mendapat sambutan menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR ([www.ipr.ekonomi.gov.my](http://www.ipr.ekonomi.gov.my)).

"Senarai pemohon akan disemak silang dengan data eKasih, iDamak dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi memastikan pelaksanaan program ini benar-benar memberi manfaat kepada



*Pelaksanaan IPR mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR"*

**Kementerian Ekonomi**

golongan sasar iaitu miskin tegar, miskin dan B40," menurut kementerian itu dalam jawapan yang disiarkan di laman sesawang

Parlimen pada Selasa.

Kementerian Ekonomi menjawab soalan **Dr Richard Rapu @Aman Anak Begri (GPS-Be-tong)** mengenai sumbangan IPR kepada peningkatan pendapatan golongan B40 serta jumlah penerima projek dan dana yang diluluskan bagi Sarawak pada tahun ini.

Menurut kementerian, menerusi inisiatif Intan, 1,020 peserta diluluskan bagi 16 lokasi berkeluasan 818 ekar (331 hektar) dengan membabitkan kos keseluruhan berjumlah RM92,552,738 dengan

tumpuan diberikan kepada tanaman strategik seperti cili dan jagung bijirin, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import.

"Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersedia untuk memberikan bantuan berbentuk input dan peralatan moden pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elaun sara hidup tempoh menunggu penuaian hasil tanaman," jelasnya. - Bernama